

PM kemuka usul terhadap Karpal Singh

**Oleh Veena Rusli
dan Magendran Rajagopal**

KUALALUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengemukakan usul supaya Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Karpal Singh, dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Rakyat kerana didakwa cuba memesongkan tanggapan Ahli Parlimen.

Ini berikutan tindakan Timbalan Pengerusi DAP itu mempertikaikan kesahihan sumpah beberapa Ahli Parlimen

kerana tidak mengangkat tangan ketika upacara angkat sumpah 17 Mei lalu yang didakwa bercanggah dengan Akta Perakuan Bersumpah 1960.

Usul itu yang diterima dan dimasukkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat semalam, dijangka dibentangkan pada hari terakhir sidang dewan berkenaan, Isnin ini.

Dalam usul itu, Perdana Menteri menggesa tindakan tegas diambil terha-

dap Karpal sekiranya wakil rakyat DAP itu didapati membuat kenyataan palsu.

Pada 1 Jun lalu, Speaker Dewan Rakyat, Tun Dr Mohamed Zahir Ismail,

Teks penuh temu bual dengan PM - Muka 13

mengeluarkan arahan bertulis meminta Karpal menjelaskan sebab beliau cuba memesongkan Dewan sedangkan semakan kandungan Akta Perakuan Bersumpah tidak menggariskan keperluan angkat tangan ketika mengangkat sumpah.

Bagaimanapun, dalam kenyataannya kelmarin, Karpal berkata Mohamed Zahir seharusnya meminta beliau menarik balik isu Ahli Parlimen tidak mengangkat tangan ketika mengangkat sumpah apabila dibangkitkan pada 17 Mei lalu.

Karpal mengakui tersilap membuat rujukan kepada Akta Perakuan Bersumpah 1960 apabila memaklumkan kepada Dewan Rakyat bahawa mengangkat tangan adalah satu kemestian apabila berikrar, sedangkan undang-undang yang betul ialah Oaths and

Affirmations Act 1949.

Justeru, Karpal menegaskan tidak akan membalas arahan bertulis Mohamed Zahir supaya beliau memberi penjelasan atas tindakannya mencelah urusan mesyuarat kerana Parlimen tidak boleh membenarkan ahlinya memesongkan Dewan dalam sebarang perkara.

Sementara itu, Mohamed Zahir ketika ditemui berkata, ini bukan kali pertama seorang Ahli Parlimen dirujuk ke jawatankuasa itu.

LIHAT MUKA 2 •